

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HIS 401 Fiqah Al-Munakahat: Perkahwinan dan  
Kekeluargaan Islam

---

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam  
TIGA [3] muka surat.

- Jawab TIGA [3] soalan.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
- Sila teliti semua soalan yang diberikan sebelum anda membuat pilihan.
- Agihkan waktu menjawab dengan bijak, supaya anda dapat menjawab semua soalan pilihan anda dalam masa yang ditetapkan.

1. Kekuatan nilai perkahwinan dan kekeluargaan Islam terletak pada konsep dan falsafah ilmu perkahwinan yang kemas dan lengkap. Soalnya:
  - (a) Berdasar amalan perkahwinan dalam masyarakat Islam hari ini, aspek-aspek apakah yang nyata bertentangan dengan ajaran Islam? Buktikan hujah-hujah anda berdasarkan dalil-dalil yang tepat dan kukuh.
  - (b) Kemukakan analisis secara kritis untuk membuktikan bahawa jiwa keislaman yang dimiliki oleh pasangan suami isteri, menjadi faktor paling penting ke arah kedamaian rumantangga.
  - (c) Unsur fitrah kejadian lelaki dan perempuan boleh berkembang dengan sempurna melalui perkahwinan. Jelaskan.

2. Kesahihan perkahwinan boleh dikuatkuasakan dan boleh juga dicabar. Ini bergantung kepada sah atau tidaknya perjalanan semua acara perkahwinan seperti yang terkandung dalam rukun nikah. Soalnya:
  - (a) Jelaskan pengaruh atau hakikat akad terhadap erti perkahwinan.
  - (b) Bandingkan pandangan mazhab Syafi'i dan Hanafi dalam masalah Ijab dan Qabul. Apakah persamaan dan perbezaan antara keduanya dan di manakah pula kekuatan masing-masing?
  - (c) Apakah konsep kewalian, dan bilakah wali mujbir boleh menikahkan anak gadisnya.
  
3. Dengan merujuk kepada Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, sila jelaskan soalan-soalan berikut:
  - (a) Bagaimanakah sikap Islam mengenai had umur minima keupayaan berkahwin (capacity of marriage) dan apakah hikmahnya di sebalik penetapan umur minima seperti yang diamalkan di Malaysia?
  - (b) Jelaskan bagaimanakah Undang-Undang Keluarga Islam di Kedah, Wilayah Persekutuan dan Angkatan Tentera Malaysia dalam mengawal amalan poligami.
  - (c) Kemukakan hujah-hujah mengenai unsur positif dan negatif mengenai undang-undang poligami seperti yang terdapat di Malaysia.
  
4. Kebahagiaan rumahtangga bergantung kepada kekukuhan ikatan dan jalinan kasih suami, isteri dan anak. Soalnya:
  - (a) Huraikan prinsip-prinsip asas yang membentuk kesejahteraan dan kebahagiaan rumahtangga.
  - (b) Hak-hak isteri mesti dihormati dan dilindungi oleh suami. Huraikan.
  - (c) Jelaskan nilai-nilai positif yang didapati melalui penyusunan ibu.

5. Perkahwinan/Perceraian di Pulau Pinang,  
1986 - 1990

---

Tahun	Perkahwinan	Perceraian
1986	3271	626
1987	3228	651
1988	3433	614
1989	3020	466
1990	3221	441

---

Sumber: Pejabat Daftar Nikah  
Majlis Hal Ehwal Agama Islam,  
Pulau Pinang

Data di atas merupakan suatu gambaran umum tentang aliran nikah cerai di Pulau Pinang. Negeri-negeri lain di Malaysia juga mencatatkan kadar perceraian yang tinggi. Soalnya:

- (a) Sejauh manakah benarnya perceraian mempunyai kaitan yang kuat dengan faktor pengabaian tanggungjawab suami isteri?
- (b) Dalam keadaan bagaimanakah yang membolehkan isteri mengemukakan tuntutan tebus talag (khulu')?
- (c) Mengapakah Islam mengizinkan penceraian, meskipun terdapat hadith yang menyatakan bahawa Allah membencinya?

-oooOOoooo-